

29/01/2002

Malaysia bukan markas serangan di AS

Wan Hazmir Bakar; Abdul Halim Yusoff

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menolak andaian bahawa Malaysia menjadi markas operasi awal serangan penganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 September lalu.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, Amerikalah markas pelancaran serangan berkenaan kerana segala perancangan dan latihan sebelum serangan dilakukan di negara itu sendiri.

"Mereka ini berlatih di Amerika sepanjang masa dan kemudian mereka membuat perancangan di Amerika bagaimana untuk merampas kapal terbang Amerika, pada waktu bila, pesawat mana, bangunan apa.

"Semua itu dilakukan di Amerika, bukannya di Malaysia," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas laporan Newsweek keluaran terbaru yang mendakwa negara ini adalah markas operasi awal serangan 11 September itu.

Beliau sebelum itu merasmikan Hari Kualiti Kementerian Kewangan dan program 'Sehari Bersama Pelanggan' di kemeterian itu, di sini.

Laporan yang memetik sumber perisikan Amerika itu menyebut, bekas tentera berpangkat kapten, Yazid Sufaat, yang juga ahli kumpulan pelampau Singapura, Jemaah Islamiah, membantu mewujudkan rangkaian sokongan untuk Osama bin Laden di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

Yazid kemudian dikatakan mengadakan perbincangan dengan beberapa pegawai kanan Osama di sebuah kondominium di Malaysia pada Januari 2000 seperti diarahkan seorang rakyat Indonesia yang mempunyai hubungan dengan al-Qaeda.

Laporan itu juga memetik sumber perisikan sebagai berkata, Malaysia adalah negara yang amat sesuai untuk orang Arab menyembunyikan diri kerana ia membenarkan orang Islam masuk dan keluar tanpa visa.

Dr Mahathir berkata, setahunya, rakyat Malaysia tiada kaitan langsung dengan serangan itu di Amerika.

"Apa yang kita tahu ialah ada rakyat Malaysia menerima latihan di Pakistan dan Afghanistan, balik ke negara ini dengan hasrat untuk menggugat kestabilan negara, menimbulkan ketegangan kaum, ketegangan agama, perkara-perkara seperti ini, dan mereka mempunyai hasrat untuk membentuk sebuah negara melalui tindakan keganasan," katanya.

Perdana Menteri, yang tidak percaya Yazid terbabit dalam perancangan serangan 11 September itu, meminta mereka yang mempunyai maklumat mengenainya supaya mengemukakan bukti.

"Mari kita tengok buktinya. Adalah mudah untuk mendakwa dia melakukannya, tetapi adakah dia melakukannya di Malaysia, adakah dia merancang semuanya. Saya tidak percaya, operasinya begitu sofistikated sekali," katanya.

Mengenai dakwaan Yazid menerima arahan daripada seorang ulama Indonesia yang ada hubungan dengan al-Qaeda, Dr Mahathir berkata pihak berkuasa Malaysia tidak tahu menahu mengenainya ketika itu.

"Jika kita tahu mengenainya terlebih dahulu, jika mereka memberitahu kita ketika itu, kita boleh ambil tindakan. Tetapi kita tidak tahu apa-apa.

"Apabila kita mengetahui siapa mereka, apa yang mereka rancangkan, kita telah mengambil tindakan, menangkap hampir kesemua mereka," katanya merujuk kepada anggota Kumpulan Militan Malaysia (KMM).

Perdana Menteri berkata, adalah tidak wajar mengait dan menyalahkan Malaysia dengan serangan itu hanya kerana ada antara penganas itu pernah datang ke negara ini sebagai pelancong.

"Mereka ini melancong ke serata dunia. Kita tahu mereka pergi ke Switzerland, sepatutnya mereka ditangkap di Switzerland, tetapi mereka tidak ditangkap di Switzerland.

"Mereka datang ke sini sebagai pelancong dan jika kita menahan pelancong sudah tentu tiada seorang pun yang akan datang ke Malaysia," katanya sambil menambah, peraturan visa tidak dikecualikan untuk semua negara.

Dr Mahathir berkata, Malaysia tidak dapat bertindak menahan pengganas terbabit ketika itu kerana tidak memperoleh sebarang maklumat mengenai kegiatan mereka.

"Pada masa itu kita tidak tahu. Bagaimana kita mahu bertindak terhadap sesuatu yang di luar pengetahuan kita. Jika mereka (pihak berkuasa Amerika) memberitahu kita, sudah tentu kita akan bertindak.

"Apabila kita mengetahui siapa mereka dan apa yang mereka rancangkan, kita terus bertindak dan menahan hampir semua daripada mereka," katanya sambil menambah pihak berkuasa akan terus memburu saki-baki pengganas terbabit.

Ditanya sama ada Malaysia mengambil sebarang tindakan mengenai laporan berita yang tidak benar itu, Perdana Menteri berkata Malaysia akan mengkaji apa yang boleh dilakukan.

"Saya tidak tahu apa yang dipanggil kebebasan akhbar ini. Saya minta maaf saya sedang bercakap dengan pihak media sekarang tetapi ada kalanya kebebasan akhbar disalah guna oleh mereka ini untuk kepentingan agenda mereka sendiri.

"Kita tahu mereka tidak sukakan Malaysia atas sebab tertentu dan apa pun yang kita lakukan mereka akan mengatakan yang buruk mengenai kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia amat berjaya dalam pengurusan ekonomi, dalam urusan hubungan antara pelbagai kaum dan berkembang pesat tetapi tiada satu pun pencapaian itu pernah disebut oleh mereka.

"Setiap kali mereka menyebut Malaysia, mereka berkata akhbar-akhbar di bawah kawalan kerajaan tetapi pada masa yang sama Asian Wall Street Journal dan Herald Tribune dicetak di Malaysia. Mereka mengatakan perkara buruk mengenai Malaysia dan kita tidak pernah menghalangnya.

"Akhbar-akhbar ini tiada tanggungjawab moral langsung dan cenderung untuk melakukan pembohongan," katanya.

(END)